

ANGKARA PENGASUH MENTAL & EMOSI SARA TERGANGGU

PENDERILAN TERHADAP KAVAK-KAVAK MERUPAKAN SATU ISU MORAL YANG HANGAT DIPERKATAKAN SEJAK DAHULU HINGGA KEHILISU MORAL INI JUGA SESENTIASA DIPAPARKAN DIDADA AKHBARSERTA SEMAKIN MENINGKAT HARI DEMI HARI SEHINGGA MENYEBUTKAN PELBAGAI REAKSI DI KALANGAN MASYARAKAT SETIAP KALISU INI DIBANGKITKAN DI MEDIA-MEDIA MASSA LATIUPUN SETIAP KALISESEORANG KAVAK MENJADI WANGSA PENDERILAN.

PENULIS & PENYELARAS: AMY MOHA, FOTO: AHMAD SHAHIR OSMAN, SOLEKAN: MIMI ROMYZA, LOKASI: HALBA CAFE, DATARAN WANGSA MELAWATI

RANG-ORANG yang keras hati tidak akan mengenal kasih sayang. Tidak ada sedikit pun kelembutan pada diri mereka. Hati mereka ini keras bagaikan karang. Kaku, tabiat, baik ketika memberi mahupun menerima. Kurang peka perasaan, lagi tipis peri kemanusiannya. Tidak keterlaluan jika diumpamakan sifat si pendera seperti manusia yang bertopengkan syaitan. Si kecil itu bukan lawannya yang tidak mengerti apa-apa. Hanya tangisan yang mampu diluahkan sebagai tanda kesakitan.

Penderaan boleh berlaku di mana-mana, bukan hanya di rumah malah di pusat asuhan kanak-kanak. Kebanyakan ibu bapa menghantar anak mereka ke pusat asuhan kanak-kanak yang tidak pasti latar belakangnya. Ini seharusnya tidak berlaku. Sebelum ibu bapa menghantar anak-anak mereka, selidik dahulu latar belakang tempat yang hendak dihantar serta pengasuhnya. Apabila berlakunya penderaan terhadap anak mereka barulah mula sedar betapa silapnya cara mereka yang memandang rendah akan hal ini.

PENGALAMAN

Penulis blog Orlylove iaitu Raja Norli Akma Raja Abdul Manan merupakan antara ibu bapa malang yang mempunyai pengalaman peri dengan sebuah pusat asuhan kanak-kanak (taska) berhampiran rumahnya pada sekitar tahun 2013 sehingga menyebabkan gangguan emosi dan mental terhadap anak keduanya iaitu Sara. Selain trauma anaknya turut menunjukkan perubahan drastik seperti mirung, gemar menyendiri serta pasif. Biar pun tiga tahun telah berlalu namun ia masih segar dalam ingatan wanita kelahiran Kuala Lumpur berusia 37 tahun ini yang mesra dipanggil Norli. Tidak mahu menyalahkan takdir, Norli mengakui bahawa kekhilafan dirinya yang mengambil sikap sambil lewa perihal latar belakang taska tersebut telah menyebabkan perkara itu berlaku. Pun begitu, segalanya sudah berlalu sambil mengharap agar perkara seperti itu tidak berulang.

"Asalnya, saya mencari taska di sekitar kawasan tempat tinggal iaitu Taman Melati, Wangsa Maju. Saya ini seorang yang sangat 'sempoi'



perihal penjagaan anak-anak. Sejak kecil anak-anak saya dihantar banyakk tempat untuk orang jaga memandangkan tiada siapa yang boleh menjaga mereka. Saya dan suami pula bekerja.

Saya hantar anak-anak ke taska tersebut kerana yurannya yang agak murah berbanding semua tempat sekitar Taman Melati. Untuk tiga orang anak saya hanya membayar RM650 sahaja. Bagi saya anak-anak akan biasa walaupun sebenarnya mereka tidak biasa. Salah satu faktor lagi mengapa saya hantar anak-anak ke taska tersebut kerana dekat dengan sekolah anak saya yang sulung. Jadi, tidaklah jauh sangat van hendak hantar dari sekolah," ungkap Norli yang bertugas di Halba Cafe, Dataran Wangsa Melawati sebagai Pengurus Pemasaran dan Jualan.

Norli bertanggungjawab mempromosikan Halba Cafe di samping jenama jubah MCDA berkonsepkan *multi level marketing* secara *networking*. Norli berperanan menyediakan sistem khusus untuk perniagaan tersebut sebagai satu rakan niaga satu daerah. Tujuan perniagaan ini ialah untuk membantu golongan ibu tunggal di samping suri rumah tangga sepenuh masa menjana pendapatan tambahan.

SEDIH

"Sebenarnya saya sangat berterima kasih kepada bapa anak kecil ini yang sanggup menyalah sendiri di mana dia meletakkan kamera dalam beg anaknya lalu menyebarkan video tersebut ke pengetahuan umum. Sepantas kilat video tersebut mendapat perhatian serta menjadi viral. Saya turut menviralkan lokasi dan keesokannya pemilik taska tersebut tertangkap. Jika tidak tentu taska tersebut masih beroperasi dan mungkin lebih ramai lagi kanak-kanak yang menjadi mangsa. Rupanya taska tersebut tidak berdaftar secara sah di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM).

Saya sangat sedih dan ada kalanya menangis apabila mengenangkan kejadian ini berlaku ke atas anak saya dek kerana kesilapan diri sendiri. Selepas apa yang berlaku saya nekad serta berjanji pada diri sendiri untuk berhenti kerja. Biarlah anak-anak ada di hadapan mata asalkan selamat bersama ibu mereka. Allah S.W.T memakbulkan

Child abuse

63-65

Saya dan alhamdulillah kini saya mempunyai perniagaan sendiri Royal Koffee. Paling penting masa berkualiti bersama keluarga." Ibu kepada empat cahaya mata ini yang turut aktif sebagai Ketua Pergerakan Puteri UMNO. Sebelum ini Norli pernah ggas dalam bidang IT.

RUBIHAN

an pertama di taska, anak-anak sering mengadu tentang pengasuh iska itu namun saya menganggap anak-anak mengada-ngada dan lu manja. Itu perubahan pertama tetapi saya langsung tidak ambil uli. Anak pernah mengadu cikgunya ketuk kepala dia namun saya za hendak percaya. Biasanya saya akan sejukkan hati anak-anak menyatakan bahawa cikgu sebenarnya baik. Mungkin dia terketuk aja.

Itulah ayat untuk sedapkan hati mereka termasuk diri saya sendiri. h mengapa saya tidak pernah ambil serius tentang apa yang ahkan oleh anak-anak. Ketika itu anak kedua, Sara berusia tiga n manakala anak ketiga Qalesya berusia setahun. Sara masih pekat hanya menunggu kakaknya Batrisyia yang akan menceritakan apa g cikgu lakukan terhadap Sara dan Qalesya.

bahan seterusnya ialah setiap kali hendak menghantar Sara aska dia akan menangis sambil meronta-ronta tak mahu keluar pada kereta. Setiap pagi saya dan suami terpaksa mengejar Sara ing kereta kerana tidak mahu masuk ke taska. Biasanya, kami ingat z terlalu mengada-ngada sebab dia anak manja dalam keluarga, a dan suami terpaksa angkat dan heret Sara masuk ke dalam taska, u dikanangkan saat tu memang sedih sangat. Kasihan Sara.

gashu taska ada tanya saya guna susu jenama apa? Saya jawab ro. Sepertiasnya pengasuh menjawab sama dengan anaknya. cakap esok-esok tak payah bawa susu sikit-sikit dalam container, ya sahaja sebungkus. Nanti dan habis kami beritahu. Namun saya k ikut cakapnya kerana enam orang anaknya yang masih kecil tinggal di taska itu dan mereka minum susu yang sama. Jika saya ya lebih sudah tentu anak saya tak minum dan anak-anaknya akan iskan.

i hari saya cuba nak tahu sama ada anak saya diberi minum atau tidak. Saya bawa ikut sukatan jadi tahu lah berapa sukatan g habis. Maksudnya, berapa kali anak saya minum susu sehari. ilnya mengejutkan! Susu dari lampin anak saya flap-top hari habis! ng menyedihkan ialah anak saya seperti kebulur setiap kali saya igambilnya dari taska. Baju kotor dan bau hancing bercampur sil dalam beg pakaian mereka," ujar Norli.

ibahan pada bulan kedua pula, Sara bukan saja tidak mahu ke a malah sebaik bangun tidur sahaja dia terus mengamuk dan tidak tu keluar rumah. Saya tetap membawa Sara ke taska dan segera ari masuk ke kereta dengan harapan biarlah cikgu yang memujuk. a tahu Sara tak biasa, baru sebulan. Selama ni pun opahnya yang a. Sebab itulah saya anggap dia 'terlalu manja. Kakaknya pernah ta cikgu kurung Sara dalam bilik seorang diri dan tidak benarkan tidur dengan kakaknya kerana Sara suka menangis. Namun, saya ih lagi bersangka baik terhadap pengasuh.

esya pula ada garis panjang seperti kena ketuk dengan pembaris m pada muka dan dahi. Menurut pihak taska ada budak lain yang it. Maklumlah 20 orang kanak-kanak di situ semuanya. Biasanya an-kanak. Saya bukan tak mahu percaya sebaliknya tidak mahu itu manjakan mereka. Saya mahu mereka kuat, jatuh bangun diri, kena ketuk dan terhantuk gosok sendiri. Tanggapan saya

bahawa mereka tidak akan menangis untuk perkara-perkara kecil dalam hidup mereka jika kuat.

Perubatan bulan ketiga, Sara sudah mula mengigau dan bercakap dalam tidur. Cakap cikgu tarik rambut dan macam-macam lagi sampai saya pun naik takut. Saya dan suami mulai risau dengan keadaan Sara. Walaupun Sara tidak pandai bercakap sangat tetapi selalu mengadu cikgunya tarik rambut. Kami bawa Sara berubat di pusat perubatan Islam untuk ambil air penawar. Risau takut Sara lemah semangat dengan taska baru.

Rutin seperti biasa, saya masih mengejar Sara untuk keluar dari kereta. Mengheret dia untuk masuk ke dalam taska. Sampai Sara muntah-muntah di tepi kereta. Waktu itu, ada seorang bapa yang menghantar anaknya ke situ berpesan kepada saya, kalau anak tak mahu masuk lebih baik tukar taska sahaja. Mungkin tidak serasi. Saya pulang ke rumah dan berbincang dengan suami dan kami bersetuju untuk menukar taska.

KEPUTUSAN

"Suatu petang ibu saya membantu mengambil anak-anak di taska kerana pada hari itu saya pulang lewat kerana banyak kerja. Sesampai sahaja di rumah, ibu saya memberitahu Sara demam panas, sesak nafas dan sempul Berderau darah saya dibuatnya ketika itu kerana Sara diserang asma.

Saya terus menghubungi cikgu taska. Saya memarahinya kerana tidak memaklumkan kepada saya yang Sara asma. Bersahaja cikgu itu menjawab anak saya sakit petang. Dekat nak balik, Paling buat saya marah dia menyual saya mengapa saya tidak sediakan ubat dalam beg Sara sebab dari pagi Sara macam tidak sihat. Dia hanya sapu krim di dada Sara.

Petang itu Sara terpaksa mengambil nebulizer di Hospital Kuala Lumpur sebanyak tiga kali. Jika tidak dia pasti diwadkan. Ekoran daripada insiden itu dalam tempoh 24 jam saya terus berhenti menghantar anak-anak ke taska tersebut. Saya tidak menghubungi langsung cikgu taska dan dia juga tidak menghubungi saya. Dia hanya menghantar SMS bertanya kenapa tidak menghantar anak. Saya tidak membalasnya," jelas Norli.

Norli dan suami menganggap pengalaman itu sangat membuka mata hati dan minda mereka sebagai ibu bapa. Apa yang penting dia dapat berkongsi kisah ini bersama para ibu bapa di luar sana sekali gus dapat memberikan kesedaran buat mereka sebelum menyerahkan anak-anak kepada pengasuh mahupun taska. Norli berpesan agar para ibu sentiasa peka dengan perubahan anak-anak yang dihantar kepada pengasuh mahupun taska kerana percaya bahawa anak-anak kecil sememangnya tidak pandai menipu. ▲

